

ULANGKAJI 100 SOALAN OBJEKTIF PILIHAN

1. Nama Ahli Sunnah wal Jamaah telah dimasyurkan oleh Imam Abu Mansur al-Maturidi dan _____

A. Imam Abu Hamid Muhammad
 B. Imam Abu al-Hassan al-Ashari
 C. Imam Abu Abdullah Muhammad
 D. Imam Muhammad al-Mahdi al-Qaim

2. Manakah pernyataan yang **salah** mengenai iman.

A. Iman boleh bertambah dan berkurang
 B. Iman bertambah apabila melakukan ketaatan
 C. Iman berkurang apabila melakukan kemungkaran
 D. Iman boleh diwarisi daripada seorang ayah yang soleh

- Mengakui Nabi Isa a.s. sebagai anak tuhan

3. Pernyataan di atas merujuk kepada contoh

A. Kufur
 B. Khurafat
 C. Syirik Jali
 D. Syirik Khafi

4.
 - Beriktikad bahawa Nabi Isa mati disalib.
 - Menganggap Acre di Palestin sebagai kiblat baru.
 - Beriktikad bahawa pengasasnya adalah jelmaan Allah.

Ciri-ciri kesesatan di atas merujuk kepada ajaran

A. Bahai
 B. Taslim
 C. Qadiani
 D. Wihdatul Wujud

5. Di antara cara menangani orang yang murtad ialah

I. Dibuang daerah sekiranya enggan kembali kepada agama Islam.
 II. Memberi amaran keras dan memaksanya kembali kepada agama Islam
 III. Memberi nasihat supaya dia bertaubat dan kembali kepada agama Islam
 IV. Dikenakan hukuman bunuh sekiranya enggan kembali kepada agama Islam

A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV

6. Kenyataan berikut yang manakah benar tentang haji Qiran dan haji Tamattuk.

	Haji Qiran	Haji Tamattuk
I	Mengerjakan umrah terlebih dahulu pada bulan haji	Mengerjakan umrah terlebih dahulu sebelum masuk musim haji
II	Mengerjakan haji dan umrah secara serentak	Mengerjakan umrah terlebih dahulu pada bulan haji
III	Dikenakan membayar dam	Tidak dikenakan membayar dam
IV	Dikenakan membayar dam	Dikenakan membayar dam

A. I dan II
 B. I dan III
 C. II dan III
 D. II dan IV

7. Hukum jual beli ialah

A. Harus
 B. Sunat
 C. Wajib
 D. Makruh

8. "Saya jual kereta ini kepada awak, jika abang saya masuk universiti"

Ungkapan di atas merujuk kepada

A. Akad jual beli
 B. Syarat jual beli
 C. Jual beli taklik
 D. Jual beli secara khiar

9. Berikut adalah syarat sah gadaian dalam Islam **kecuali**

A. Barang gadaian lupus sekiranya tidak ditebus dalam tempohnya.
 B. Tidak merugikan orang yang menerima gadaian.
 C. Tidak boleh merugikan orang yang menggadaikan.
 D. Harta yang digadaikan sah untuk dijual beli

10. Berikut adalah contoh maksiat dalam walimatulurus **kecuali**

A. Pendedahan aurat lelaki dan perempuan
 B. Pergaulan bebas lelaki dan perempuan
 C. Hiburan dan muzik yang keterlaluan
 D. Makanan yang lazat dan mewah

11. Berdasarkan rajah di bawah, pernyataan manakah yang **tidak benar** mengenai hukum talak.



12. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai hikmah fasakh

- Mengelakkan penderaaan terhadap isteri
- Mengelakkan nusyuz
- Mengelakkan sifat ego suami
- Memberi ketenangan jiwa

13. Manakah di antara susunan wali berikut adalah tepat mengikut urutan

- Datuk > bapa > saudara lelaki seibu sebapa > saudara lelaki sebapa
- Datuk > bapa > saudara lelaki sebapa > saudara lelaki seibu sebapa
- Bapa > datuk > saudara lelaki seibu sebapa > saudara lelaki sebapa
- Bapa > datuk > saudara lelaki sebapa > saudara lelaki seibu sebapa

14. Siakah yang dikategorikan sebagai wali mujbir.

- Bapa dan datuk kandung
- Bapa saudara dan anak saudara
- Bapa kandung dan datuk saudara
- Saudara lelaki seibu sebapa dan sebapa

15.

- Seorang yang mementingkan kebersihan dan kekemasan
 - Menjual kain untuk menyara hidupnya

Siakah tokoh dalam pernyataan di atas.

- Imam Malik rahimahullah
- Imam Bukhari rahimahullah
- Imam al-Ghazali rahimahullah
- Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah



'X' dalam gambar rajah di atas adalah ketumbukan tentera dalam strategi

- Al-Kundi
- Al-Karadis
- Al-Muhandis
- Al-Maimanah

17. Pilih keterangan yang benar mengenai jenis industri dan negara pengeluar sumber ekonomi zaman Abbasiyah

	Industri	Negara pengeluar
A	Pinggan mangkuk	Maghribi dan Syam
B	Batu permata	Khurasan dan Bahrain
C	Kertas	Mesir, Syam dan Yaman
D	Barangan kulit	Baghdad, Mesir dan Syam



Tanda Y merujuk kepada

- Pertanian
- Perikanan
- Perkapalan
- Perlombongan

19. Kelebihan bersifat amanah dalam menjalankan perniagaan di sisi Allah SWT ialah

- Kedai dikunjungi ramai
- Urusan jual beli akan berjalan lancar
- Mendapat keberkatan dan keuntungan
- Hubungan silaturahim dapat diwujudkan

20. Pilih pernyataan yang menunjukkan hukum makruh bermusafir.

- Menziarahi orang sakit
- Bersiar-siar tanpa tujuan
- Menunaikan umrah di Mekah
- Membeli-belah bersama keluarga

21.

- Mengunjungi kubur yang dianggap keramat
- Mempercayai binatang tertentu boleh membawa tuah atau sial


Pernyataan di atas merujuk kepada contoh perbuatan

- A. Sihir
- B. Kufur
- C. Syirik
- D. Khurafat

22. Berikut adalah akibat minum arak terhadap individu

- A. Menjadi mundur kerana anggotanya tidak proaktif
- B. Dipandang hina kerana ahlinya berakhlak buruk
- C. Lalai daripada mengingat Allah
- D. Masyarakat menjadi mundur

23.



X dalam rajah di atas merujuk kepada pengertian

- A. Mengumpat
- B. Memfitnah
- C. Menghina
- D. Menipu

24. Antara berikut yang manakah amalan yang boleh mengurangkan iman?

- I. Melazimi perbuatan mungkar
- II. Mempelajari ilmu tentang Allah
- III. Mendirikan solat dalam keadaan malas
- IV. Memperbanyakkan amalan-amalan sunat

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

- Al-Quran mempunyai makna zahir dan batin
- Hanya difahami oleh imam mereka sahaja

25. Pernyataan di atas merujuk kepada pandangan

- A. Ahli Sunnah Wal Jamaah
- B. Syiah Imamiah
- C. Syiah Batiniah
- D. Khawarij

26. Berikut adalah hikmah diharuskan berhutang kecuali

- A. Membantu orang susah
- B. Mengelakkan daripada sikap malas
- C. Meningkatkan taraf ekonomi orang miskin
- D. Menggalakkan penindasan pihak yang kaya

27. Antara yang berikut, yang manakah benar mengenai konsep berkemampuan dalam ibadat haji?

- A. Cukup umur
- B. Berakal waras
- C. Ada kesempatan masa
- D. Ada wang untuk perjalanan pergi

28. Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai syarat-syarat mengambil upah haji

- A. Dilakukan oleh seorang lelaki
- B. Mempunyai kesihatan yang baik
- C. Telah melakukan haji untuk dirinya
- D. Memenuhi syarat mengambil upah haji

29. Antara yang berikut, yang manakah merupakan tanggungjawab suami?

- I. Memberi nafkah zahir dan batin
- II. Memelihara dan mendidik anak-anak
- III. Memelihara kehormatan diri
- IV. Memberi didikan yang baik

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

- Peringatan kepada suami supaya bertanggungjawab kepada rumah tangga
- Hak isteri membuat tuntutan pembatalan perkahwinan melalui undang-undang

30. Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah

- A. Idah
- B. Talak
- C. Fasakh
- D. Khuluk

31. Perkara berikut adalah syarat-syarat berpoligami kecuali

- A. Berkemampuan dari segi jasmani dan kewangan
- B. Tidak melebihi 4 isteri dalam satu masa
- C. Berkemampuan memberi kasih sayang
- D. Boleh berlaku adil

32. Anak angkat boleh mendapat harta melalui cara berikut **KECUALI**

- A. Hibbah
- B. Wasiat
- C. Hadiah
- D. Pusaka

33. Bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia membicara dan menghukum kes berkaitan

- A. Bunuh
- B. Wasiat
- C. Juvana
- D. Mencuri

34. Ciri-ciri kepimpinan Khulafak al-Rasyidin ialah

- I. Golongan yang bijaksana
- II. Pemerintahan bercorak warisan
- III. Bersedia menerima pandangan rakyat
- IV. Menggunakan harta negara untuk kepentingan diri sendiri

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

35. Antara berikut yang manakah usaha kerajaan Bani Umayyah untuk mengukuhkan ekonomi Negara?

- A. Menubuhkan perpustakaan
- B. Mengemaskini angkatan tentera
- C. Melaksanakan penyelidikan pertanian
- D. Membina tempat beribadat seperti masjid

36. Antara faktor kemerosotan kerajaan Bani Umayyah ialah

- I. Kelemahan pemerintah
- II. Berlakunya perebutan kuasa
- III. Rakyat hidup dalam kemewahan
- IV. Sikap tentera yang lalai menjalankan tugas

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

37. Berdasarkan carta dibawah, pernyataan yang manakah **tidak benar** mengenai adab menziarahi jenazah?



38. Kewajipan memelihara alam sekitar ialah untuk

- A. Kepentingan dan keselamatan negara
- B. Menjamin kesejahteraan di hari akhirat
- C. Kesenangan dan kemewahan hidup di dunia
- D. Mengekalkan keindahan, kebersihan dan keasliannya

39.

- Kembali kepada ajaran Islam yang sebenar
- Mempelajari ilmu naqliah dan aqliah
- Menolak taklid buta

Pernyataan di atas adalah saranan Syeikh Muhammad Abduh dalam bidang

- A. Akidah
- B. Jasmani
- C. Pentadbiran
- D. Integrasi ilmu

40. Hasil karya HAMKA dalam bidang kesusasteraan ialah

- A. Falsafah Ideologi Islam
- B. Pedoman Mubaligh Islam
- C. Pandangan Hidup Muslim
- D. Menunggu Beduk berbunyi

41. Khurafat boleh berlaku dengan cara

- A. Menggunakan nikmat kejalan maksiat
- B. Menyatakan solat fardu merugikan masa
- C. Memakai azimat untuk keselamatan diri
- D. Menghadiri pengebumian orang bukan Islam

42. Pernyataan di bawah adalah benar mengenai munafik **kecuali**

- A. Bercakap bohong
- B. Mengkhianati amanah
- C. Tidak menunaikan janji
- D. Mengkagumi kebolehan sendiri

43. Antara berikut yang manakah akibat perbuatan murtad terhadap individu ?

- I. Membatalkan iman
- II. Menghancurkan kekuatan ummah
- III. Memutuskan hubungan suami isteri
- IV. Menjadi penghuni neraka selama-lamanya

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

44. Antara berikut mana **benar** mengenai akibat sihir

- A. Menimbulkan fitnah
- B. Mendapat ketenangan jiwa
- C. Menjimatkan masa dan wang
- D. Mewujudkan sikap percaya mempercayai

Tidak menghukum melainkan ada bukti yang sah

berpegang teguh kepada prinsip al-Salafussoleh

tidak mencela orang yang tidak sehaluan dengan mereka

45. Pernyataan diatas merujuk kepada prinsip pegangan

- A. Ahli Sunnah Wal Jamaah
- B. Syiah Batiniyyah
- C. Syiah Imamiyyah
- D. Khawarij



46. R dalam rajah di atas ialah

- A. Amanah
- B. Dedikasi
- C. Utamakan hak diri
- D. Utamakan keuntungan

47. Antara berikut manakah perkara yang membatalkan kontrak sewaan

- I. Barang yang disewa hilang
- II. Barang yang disewa rosak
- III. Barang yang disewa menepati syarat kontrak
- IV. Barang yang disewa belum tamat tempoh kontrak

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

- Membantu pihak yang ditimpa musibah
- Mendapatkan segala kemudahan perlindungan yang berupa ganti rugi jika ditimpa sesuatu

48. pernyataan di atas merujuk kepada tujuan diharuskan

- A. Saham
- B. Sewaan
- C. Insuran
- D. Gadaian

- Melatih manusia supaya berdisiplin
- Menyedarkan manusia bahawa mereka semua sama di sisi Allah SWT.

49. Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah

- A. Rukun haji
- B. Wajib haji
- C. Sunat haji
- D. Larangan ihram haji

- Suami tidak boleh merujuk isterinya walaupun dalam tempoh idah.
- Mereka boleh berkahwin semula dengan akad yang baru.

50. Pernyataan di atas merujuk kepada akibat

- A. Lian
- B. Zihar
- C. Fasakh
- D. Talak raji

- Isteri dikenakan bayaran tertentu
- Mengelakkan sifat ego suami yang suka menyalahgunakan kuasa sebagai ketua keluarga

51. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A. Zihar
- B. Khuluk
- C. Fasakh
- D. Nusyuz

52. Tujuan utama memiliki kemahiran keibubapaan dalam sesebuah keluarga ialah untuk

- A. Mendapatkan zuriat yang bersih
- B. Menjamin perkahwinan yang sah
- C. Merapatkan hubungan silaturrahim
- D. Membentuk anak-anak menjadi soleh dan solehah

- Mengelak diri dari melakukan maksiat
- Menyambung keturunan bagi pasangan yang tidak mendapat zuriat

53. Pernyataan di atas merujuk kepada hikmat

- A. Poligami
- B. Perkahwinan
- C. Walimatulurus
- D. Pengambilan anak angkat

54. Encik Hamzah telah melakukan lian. Berikut ialah akibat lian **kecuali**

- A. Suami dan isteri terfasakh serta merta
- B. Suami boleh berkahwin semula dengan bekas isterinya
- C. Suami yang membuat tuduhan terlepas dari hukuman qazaf
- D. Isteri berhak menuntut nafkah anak jika suami tidak menafikan nasabnya

55. Pembebasan Baitul Maqdis, Palestin dan Mesir pada zaman Khulafah al-Rasyidin semasa pemerintahan khalifah

- A. Abu Bakar al-Siddiq radiallahuanhu
- B. Umar bin Al-Khattab radiallahuanhu
- C. Uthman bin Affan radiallahuanhu
- D. Ali bin Abi Talib radiallahuanhu

56. Antara yang berikut yang manakah jasa Sayidina Ali bin Abi Talib ra semasa menjadi khalifah?

- A. Menyumbang harta dan kekayaan untuk pertahanan Negara
- B. Membebaskan negeri-negeri di bawah pengaruh Rom dan Parsi
- C. Menubuhkan beberapa jabatan untuk melicinkan pentadbiran Negara
- D. Menerima jawatan khalifah ketika negara berada dalam keadaan tidak tenteram

57. Faktor-faktor berikut mempengaruhi kejayaan tentera Islam pada zaman kerajaan bani Abbasiyah **kecuali**

- A. Pemimpin tentera yang berkaliber
- B. Peralatan ketenteraan yang canggih
- C. Pelantikan panglima tentera berbangsa Arab
- D. Panglima tentera memiliki strategi yang berkesan

58. Antara yang berikut yang manakah langkah positif yang diambil oleh kerajaan bani Abbasiyah untuk menggiatkan aktiviti perdagangan?

- I. Membina rumah-rumah api
- II. Melebarkan sungai dan terusan
- III. Membina pusat-pusat perniagaan
- IV. Membuat penyelidikan dalam bidang pertanian

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. Iii dan IV

"Orang yang ingin belajar ilmu hendaklah berusaha mencarinya, bukan ilmu yang datang mencarinya"

59. Ungkapan di atas merupakan prinsip yang dipegang oleh

- A. Imam Hanbali rahimahullah
- B. Imam al-Syafie rahimahullah
- C. Imam Hanafi rahimahullah
- D. Imam Maliki rahimahullah

60. Manakah tidak benar mengenai Imam Abu Hanifah rahimahullah?

- A. Dipenjara dan disebat 100 kali
- B. Dipenjara kerana menolak jawatan hakim di Baghdad
- C. Dipenjara kerana menentang pendapat gabenor di Madinah
- D. Dipenjara kerana menolak jawatan jurutulis rasmi kerajaan

61. Hubungan jenis perempuan dengan perempuan

Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian

- A. Zina
- B. Qazaf
- C. Liwat
- D. Musahaqah

62. Hukuman bagi orang murtad ialah

- A. Dibunuh
- B. Dipenjara
- C. Disebat 80 kali
- D. Disebat 100 kali

63. Antara yang berikut yang manakah **benar** mengenai ajaran Taslim?

- A. Mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah
- B. Solat secara niat tanpa rukun aquli dan fi'li
- C. Beriktikad Nabi Isa mati disalib
- D. Menghapuskan jihad

64. Kitab suci yang menjadi pegangan penganut ajaran Qadiani ialah


- A. Al-Faraid
- B. Al-Bayan
- C. Al-Tazkirah
- D. Al-Mukaddimah

65. Syiah Imamiah turut dikenali dengan nama Syiah

- A. Isna Asy'ariah
- B. Batiniyah
- C. Zaidiyah
- D. As-Salafussoleh

66. Bilakah Jemaah haji dikehendaki bermalam di Mina?

- A. Mulai gelincir matahari 9 Zulhijjah
- B. Mulai terbenam matahari 10 Zulhijjah
- C. Selepas tengah malam pada 10 Zulhijjah
- D. Pada hari Tasyrik iaitu pada 11, 12 & 13 Zulhijjah



67. P dalam rajah di atas ialah

- A. Manfaat
- B. Barang
- C. Harga
- D. Akad

68. Antara yang berikut manakah perkara-perkara membatalkan gadaian?

- I. Pemegang gadai sakit tenat
- II. Penggadai meninggal dunia
- III. Barang yang digadai telah rosak
- IV. Penggadai membayar separuh dari hutangnya

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

69. Berikut ialah syarat sah binatang yang disembelih **kecuali**

- A. Halal dimakan
- B. Menyembelih kerana Allah
- C. Mati dengan sekali sembelihan
- D. Putus urat halkum dan urat marik

70. Berikut ialah hikmah kuasa talak diberikan kepada suami **kecuali**

- A. Suami lebih berpandangan jauh
- B. Suami pemimpin dalam rumahtangga
- C. Suami kurang emosional berbanding isteri
- D. Suami mempunyai kelebihan kekuatan fizikal

71. Melakukan upacara menepung tawar ketika upacara persandingan dalam majlis walimatulurus.

Hukum bagi pernyataan di atas ialah

- A. Harus
- B. Sunat
- C. Haram
- D. Makruh

72. Berikut adalah syarat-syarat sah ijab dalam akad pernikahan **kecuali**

- A. Hendaklah dilafazkan oleh wali atau wakilnya
- B. Tidak diselangi oleh diam yang lama
- C. Melafazkan dengan bahasa sindiran
- D. Lafaz yang diucapkan jelas dan difahami

73. Antara yang berikut yang manakah implikasi lian?

- I. Suami isteri terpisah selepas sumpah lian
- II. Suami isteri tidak boleh rujuk dalam tempoh idah
- III. Suami isteri boleh berkahwin semula dengan akad nikah yang baru
- IV. Suami tidak boleh berkahwin dengan bekas isteri selama-lamanya

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

74. Pilih susunan kelayakan hak hadhanah yang betul jika ibu hilang kelayakan

- A. Nenek sebelah ibu > bapa > Nenek sebelah bapa > Datuk
- B. Nenek sebelah ibu > Nenek sebelah bapa > bapa > Datuk
- C. Bapa > nenek sebelah ibu > nenek sebelah bapa > Datuk
- D. Bapa > nenek sebelah bapa > nenek sebelah ibu > Datuk

75. Antara yang berikut yang manakah faktor luaran penyebaran Islam pada zaman Abbasiyah?

- A. Galakan khalifah
- B. Kedudukan Baghdad yang strategik
- C. Penggunaan bahasa arab secara meluas
- D. Keinginan penduduk setempat yang tertarik dengan Islam

76. Peranan Baitul Mal pada zaman kerajaan Abbasiyah adalah

- I. Menguruskan sumber pendapatan negara
- II. Mengawal belanjawan negara
- III. Melantik pegawai kewangan
- IV. Memungut cukai

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

77.



R dalam rajah di atas ialah

- A. Al-Dawawin
- B. Al-Tadwin
- C. Al-Kuttab
- D. Al-Wazir

78. Peta dunia yang pertama dalam bentuk glob di cipta oleh

- A. Al-Khawarizmi
- B. Al-Idrisi
- C. Ibnu Sina
- D. Ibnu Haitham


79.

- Mewujudkan mata pelajaran matematik, geometri, algebra dan geografi.
- Mewujudkan piawaian dalam penganugerahan sijil
- Mewujudkan farmasi khusus untuk pelajar Universiti Azhar

Pernyataan di atas merujuk kepada kesan islah dalam bidang pendidikan yang di bawa oleh

- A. Hamka
- B. Syeikh Tahir Jalaluddin
- C. Syeikh Muhammad Abduh
- D. Sayyid Jamaluddin Al-Afghani

80.



X yang dimaksudkan ialah

- A. Muhammad bin al-Qasim
- B. Musa bin Nusair
- C. Tariq bin Ziyad
- D. Qutaibah bin Muslim

81. Pilih pernyataan yang benar mengenai murtad

- A. mengingkari ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW
- B. kepercayaan karut yang dianggap ada kaitan dengan Islam
- C. berpura-pura melahirkan keimanan tetapi hati kufur
- D. berpaling dari agama Islam

82.



P dalam rajah di atas ialah ciri

- A. Nifak
- B. Kufur
- C. Riddah
- D. Khurafat

83.

Kembali semula taat kepada Allah SWT setelah menyesal kerana melanggar perintah-Nya

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A. Memohon keampunan
- B. Menyesal
- C. Ketaatan
- D. Taubat

84. Antara yang berikut yang manakah cara-cara untuk mencapai kemanisan iman?

- I. Sentiasa membaca al-Quran
- II. Merasa kelazatan melakukan ibadat
- III. Mengasihani sesama manusia kerana Allah SWT
- IV. Cinta kepada Allah SWT dan Rasul-Nya lebih dari segalanya

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

85.



Q dalam rajah di atas merujuk kepada ciri ajaran sesat

- A. Bahai
- B. Taslim
- C. Qadyani
- D. Anti Hadis

- Bermula dari Safa dan berakhir di Marwah
- Dilakukan sebanyak tujuh kali

86. Pernyataan di atas menerangkan tentang ibadat

- A. Sai
- B. Tawaf
- C. Memakai ihram
- D. Melontar jamrah

87. Antara yang berikut, yang manakah perkara wajib haji?

- I. Niat ihram
- II. Niat ihram di Miqat
- III. Wukuf di padang Arafah
- IV. Meninggalkan larangan ihram

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

Satu perjanjian untuk memiliki manfaat dari satu barang yang diterima daripada orang lain dengan bayaran yang sesuai.

88. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A. Gadaian
- B. Insurans
- C. Hutang
- D. Sewa

89. Berikut merupakan hikmah perkahwinan **kecuali**

- A. Memupuk kasih sayang
- B. Menjadikan kehidupan mewah dan bahagia
- C. Memenuhi tuntutan rohani dan jasmani
- D. Pasangan yang berkahwin

90. Hukum mengadakan walimatulurus ialah

- A. Sunat muakad
- B. Fardhu kifayah
- C. Fardhu ain
- D. Sunat